

# 'Abang belon' ada 13 rekod jenayah berkaitan dadah

**KUALA LUMPUR** – Dua daripada tiga kertas siasatan berhubung insiden membabitkan 'Abang Belon' dan penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Jalan Tunku Abdul Rahman (TAR) di sini baru-baru ini telah diserahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Shuhaily Mohd Zain berkata, kedua-dua kertas siasatan itu dibuka mengikut Seksyen 186 dan Seksyen 325 Kanun Keseksaan.

Jelasnya, siasatan terbabit melibatkan kesalahan menghalang penjawat awam menjalankan tugas serta menyebabkan kecederaan parah secara sukarela.

"Satu lagi siasatan di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan kerana ugutan jenayah masih menunggu maklum balas daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berhubung sebuah laman web

Peniaga belon sudah ditegur tiga kali



**KERATAN  
KOSMO!  
30 Mac  
2025.**

yang dikaitkan dengan kes tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas sidang akhbar operasi Cyber Guardian di Bukit Aman di sini semalam.

Dalam pada itu, menurut sumber, semakan rekod lampau terhadap penjaja penjual belon itu mendapati lelaki berkenaan mempunyai 13 rekod jenayah lampau.

"Kebanyakan rekod terbabit adalah berkaitan dengan kesalahan dadah. Suspek sebelum ini pernah dihadapkan ke mahkamah bagi enam daripada

kes tersebut.

"Dia (abang belon) kini masih menerima rawatan di hospital manakala bagi dua penguat kuasa DBKL itu pula sudah diambil tindakan dalaman oleh jabatan,"ujarnya.

Sebelum ini tular di media sosial video memaparkan pergelutan antara seorang peniaga belon dan penguat kuasa DBKL dalam kejadian di Jalan TAR.

Video tersebut bukan sahaja mendapat pelbagai reaksi daripada orang awam malah mencuri perhatian golongan menteri juga.

Malah DBKL turut memaklumkan peniaga belon itu sudah diberi teguran kali ketiga untuk beredar sebelum bertindak agresif dan menolak anggota penguat kuasa DBKL.

DBKL dalam kenyataan sebelum ini menyatakan, anggota penguat kuasa DBKL yang melakukan rondaan berkala melihat kehadiran beberapa penjaja tanpa lesen menjalankan aktiviti perniagaan di laluan pejalan kaki.



**TANGKAP** layar video yang menjadi tular apabila berlaku pergelutan antara penjual belon dan penguat kuasa DBKL baru-baru ini.